

5/11/2016  
UTUSAN



**AHMAD SHABERY CHEEK (tiga dari kanan) melawat tapak Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA 2016), semalam. Program MAHA 2016 akan berlangsung di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, Selangor, Disember depan. Turut hadir Ketua Setiausaha, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar.**

## Qingzhaou sedia terima eksport sarang burung walet

**KUALA LUMPUR 4 Nov.** -- Taman Perindustrian Qinzhou China-Malaysia kini bersedia untuk menerima sarang-sarang burung walet mentah belum bersih dari Malaysia yang akan dieksport ke China melalui daerah Qinzhou.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengarah Makmal Sarang Burung dan Makanan Kesihatan Qinzhou, He Ri An kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang melawat makmal tersebut semalam.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam satu

kenyataan yang diedarkan kepada pihak media di sini memberitahu, makmal bernilai RM22 juta (36 juta yuan) itu telah memulakan operasinya sebagai pusat pemeriksaan sampel makanan dan juga sarang burung walet.

Makmal itu berfungsi sebagai pusat pemeriksaan sampel sarang burung mentah belum diproses bagi memastikan ia mematuhi tahap yang ditetapkan dalam Protokol Keperluan Pemeriksaan, Kuarantin dan Kebersihan Veterinar bagi Pengeksportan Sarang Burung Walet Mentah Belum Ber-

sih Malaysia ke China.

Kementerian tersebut memaklumkan, protokol itu telah ditan-datangani oleh kerajaan Malaysia dan China di Beijing yang disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatannya, Li Keqiang pada Isnin lalu.

“Protokol yang ditandatangani Ahmad Shabery mewakili Malaysia dan Menteri Pentadbiran Kualiti, Pemeriksaan dan Kuarantin China, Zhi Shuping itu akan membolehkan produk sarang burung walet mentah belum bersih dieksport ke

China,” jelas kenyataan itu.

Menerusi kenyataan itu Ahmad Shabery berkata, kesediaan China itu merupakan satu perkembangan yang baik untuk industri sarang burung walet Malaysia kerana sebelum ini hanya sarang burung walet yang telah dibersihkan dengan kuota 30 tan metrik sahaja boleh dieksport ke China.

“Ini tentunya boleh meningkatkan pendapatan kepada lebih 10,000 pengusaha sarang burung walet di Malaysia kerana mereka kini mempunyai pasaran yang lebih besar,” katanya.